

Bangunkan Lebih Banyak Program Rantaian Industri Bagi Belia - Muhyiddin Bernama
Oct 20, 2014

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu lebih banyak program rantaian industri dilaksanakan sebagai landasan untuk memperoleh, membangun dan menguasai pelbagai bidang kemahiran.

Timbalan perdana menteri berkata kalangan belia mempunyai potensi, idealisme dan cita-cita yang sangat besar, dan oleh itu, adalah penting untuk menyediakan wadah bagi membolehkan mereka menyalurkan tenaga secara produktif.

Beliau berkata satu daripada cara itu adalah dengan mengoptimumkan bakat dan tenaga mereka menerusi suasana asuhan yang tepat sejak dari awal lagi.

"Saya gembira apabila ada antara usahawan dan pereka yang mengambil bahagian dalam Intrade Malaysia 2014 dan Minggu Fesyen Malaysia (MFW) yang julung kali diadakan ini adalah kalangan belia.

"Saya mahu mereka menggunakan sepenuhnya acara ini sebagai batu loncatan ke arah kejayaan di persada antarabangsa," katanya ketika merasmikan acara di sini Isnin malam.

Intrade, atau Perdagangan Antarabangsa Malaysia, adalah pameran perdagangan dan eksport antarabangsa tahunan bagi mempertingkatkan rangkaian, pepadanan perniagaan, pertukaran idea dan pengetahuan di kalangan komuniti perniagaan dari negara yang berbeza, terutama mereka yang ingin menceburi pasaran global.

Intrade 2014, dalam edisi kelapannya, memberi tumpuan kepada sektor gaya hidup 'versatile' sejajar dengan matlamat untuk mempromosikan sektor 'soft export' Malaysia.

Minggu Fesyen Malaysia berlangsung bersempena dengan Intrade.

Dalam ucapannya, Muhyiddin turut menyentuh tentang Program Transformasi Ekonomi kerajaan yang bermatlamat agar negara menjadi lebih produktif, inovatif dan berdaya saing.

"Paling penting adalah aktiviti jangkauan kita kepada syarikat dan negara di seluruh dunia dalam memasarkan produk kita dan meyakinkan para pelanggan bahawa kita adalah mesra perniagaan," kata timbalan perdana menteri.

Mengenai jawatan Pengerusi Asean yang disandang Malaysia pada 2015, Muhyiddin menyifatkannya sebagai paling penting dalam memastikan langkah dan inisiatif yang menjadi keutamaan bagi Komuniti Ekonomi Asean (AEC) berada di tempatnya dan proses integrasi terus berjalan lancar selepas 2015.

"Saya perlu menegaskan bahawa AEC adalah satu proses berterusan dan 2015 tidak boleh dijadikan sebagai tarikh akhir, sebaliknya menandakan lengkapnya langkah pertama ke arah matlamat utama bagi mencapai sebuah komuniti ekonomi bersepadu sepenuhnya," katanya.

Dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Intrade 2014 berlangsung sehingga 22 Okt.

MFW pula diadakan dari 17 hingga 22 Okt, terdiri daripada pameran perdagangan (FACIT @ INTRADE) dan dua pertunjukan fesyen perdagangan - Fashion Showcase Malaysia dan Mercedes-Benz Stylo Asia Fashion Week.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1078474>